



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

## **SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG ORANG ASLI TAHUN  
2016**

**DEWAN LESTARI, KKLW**

**4 MEI 2017 (KHAMIS)  
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam NegaraKu Malaysia

1. Syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dan bertemu di Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Orang Asli Tahun 2016 yang berlangsung di Dewan Lestari KKLW.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah menjemput saya untuk turut hadir bersama-sama dalam majlis meraikan pelajar-pelajar cemerlang Orang Asli dalam peperiksaan UPSR, PT-3, SPM dan STPM tahun 2016 yang lalu. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pelajar-pelajar, ibu bapa dan guru-guru yang telah bersama-sama membantu pelajar-pelajar Orang Asli ini hingga mencapai kejayaan dalam bidang pendidikan.

### **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) amat serius dalam memberi penekanan terhadap pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya terhadap pelajar-pelajar Orang Asli. Oleh kerana itu, langkah-langkah memperkemaskan hubungan serta kerjasama dengan rakan sinergi seperti Kementerian Pelajaran Malaysia akan diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Peranan agensi dan jabatan di bawah kementerian seperti MARA dan KEMAS akan terus dilibatkan untuk meningkatkan lagi akses pendidikan kepada masyarakat Orang Asli secara berterusan.

4. Strategi meningkatkan pencapaian akademik pelajar Orang Asli telah dimulakan sejak peringkat sekolah rendah lagi. Untuk makluman semua sehingga kini, bagi sekolah 100% Orang Asli terdapat sebanyak 94 buah sekolah rendah iaitu seramai 15,971 pelajar Orang Asli dan sebuah sekolah menengah Orang Asli yang mempunyai pelajar seramai 434 Orang Asli.

5. Pihak kementerian melalui JAKOA telah mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Intelak Pelajar Orang Asli (PIPOA) di Rompin, Pahang. PIPOA yang mula beroperasi pada tahun 2012 ini menerima kemasukan pelajar seramai 40 orang

setiap tahun dan dapat menampung kapasiti seramai 100 orang pelajar. Sehingga sekarang, PIPOA telah menerima jumlah kemasukan seramai 190 pelajar Orang Asli. Kesemua pelajar yang terpilih ini diberikan pendedahan awal dan latihan intensif untuk menghadapi peperiksaan PT-3. PIPOA yang turut dilengkapi dengan kemudahan seperti bilik bacaan, perpustakaan, asrama penginapan pelajar lelaki dan perempuan, dewan makan serta dewan serbaguna mampu menjadi wadah dalam melahirkan lebih ramai pelajar Orang Asli cemerlang di dalam peperiksaan PT-3.

6. Hasilnya, calon peperiksaan PT-3 Tahun 2016 yang lalu, 21 orang daripada 27 calon daripada PIPOA telah berjaya mendapat keputusan 5A ke atas. Keputusan ini dengan jelas menunjukkan keberkesanan program-program yang telah dianjurkan di PIPOA. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat.

7. Kementerian juga melalui JAKOA sedang menubuhkan sebuah lagi pusat yang berperanan seperti PIPOA iaitu Pusat Transformasi Putra Asli di Kuala Terengganu yang kini di fasa akhir pembinaan. Kita mengharapkan agar pusat-pusat pendidikan seperti ini dapat ditubuhkan di setiap negeri atau zon pada masa hadapan kerana ia dengan jelas akan membantu pelajar-pelajar Orang Asli untuk berjaya di dalam pendidikan.

#### **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

8. Sekarang ini, kita dapat berbangga dengan masyarakat Orang Asli yang dilihat semakin maju dalam bidang pendidikan dan semakin ramai yang mendapat keputusan-keputusan yang memberangsangkan dan saya amat bangga dengan pencapaian masyarakat Orang Asli dalam bidang pendidikan sekarang ini. Sebagai satu tradisi, hari ini kita akan meraikan seramai 183 pelajar Orang Asli Cemerlang Tahun 2016 dalam peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan STPM.

9. Kini, masyarakat umum sudah mula mengiktiraf kejayaan masyarakat Orang Asli. Jika budaya ini disambung oleh pelajar-pelajar Orang Asli yang lain, saya yakin pelajar-pelajar Orang Asli akan menjadi pencabar yang digeruni di dalam pendidikan di negara ini.

10. Kejayaan yang dicapai oleh mereka telah memecah tanggapan negatif masyarakat umum yang beranggapan bahawa masyarakat Orang Asli tidak mampu untuk bersaing dengan masyarakat lain. Sudah tentu pencapaian yang diperolehi masyarakat Orang Asli hari ini tidak berlaku secara kebetulan. Ia adalah hasil usaha pelbagai pihak yang telah bertungkus-lumus berusaha untuk mengubah kehidupan masyarakat Orang Asli ke peringkat yang lebih tinggi dan dihormati.

11. Demi membantu masyarakat Orang Asli mendapatkan pendidikan yang sepatutnya, kementerian telah memperuntukkan bantuan sebanyak RM17.5 juta untuk pengangkutan, bantuan persekolahan dan wang saku pelajar pada tahun ini demi memastikan kelancaran pengurusan dan bantuan kepada masyarakat Orang Asli untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna.

Saya dimaklumkan sehingga kini terdapat seramai seramai 797 pelajar Orang Asli sedang menuntut di peringkat IPTA dalam pelbagai jurusan. Jika dilihat daripada jumlah tersebut, kita dapati bahawa masyarakat Orang Asli kini telah mempunyai kesedaran mengenai kepentingan pendidikan.

12. Kementerian telah meletakkan KPI kepada pihak JAKOA supaya memastikan seramai 15 orang pelajar Orang Asli dapat dihantar untuk menyambung pengajian ke luar negara setiap tahun. Pada tahun 2016, kementerian telah memilih 18 orang pelajar Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara di bawah tajaan MARA dalam pelbagai bidang. Sejak program penghantaran pelajar Orang Asli dari tahun 2010 hingga tahun 2016, seramai 72 orang pelajar telah berjaya dihantar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

13. Kementerian juga memandang serius mengenai isu keciciran di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli. Oleh kerana itu, kementerian telah menetapkan bahawa JAKOA perlu memberi fokus kepada menurunkan kadar keciciran terutamanya dari sekolah rendah ke sekolah menengah. Jika kita lihat kepada statistik kadar keciciran pelajar Orang Asli, terdapat penurunan kadar keciciran iaitu daripada 27% pada tahun 2012 kepada hanya 16.75% pada tahun 2017.

14. Walaubagaimanapun, untuk mencapai sasaran ini usaha dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya daripada ibu bapa dan juga guru-guru amat diperlukan. Bagi memastikan sasaran ini berjaya dicapai, JAKOA telah mengatur pelbagai aktiviti dan program pendidikan bagi meningkatkan kesedaran dikalangan ibu bapa dan pelajar-pelajar mengenai kepentingan pendidikan. Antara aktiviti-aktiviti dan program-program yang dianjurkan JAKOA ialah kelas-kelas motivasi, Program Mesra Minda, Program Mesra Didik dan Tuisyen Rakyat.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

15. Saya percaya dengan pelan pendidikan yang memberi fokus kepada pembangunan kemahiran insaniah, sikap dan akhlak mampu melahirkan insan yang mempunyai ilmu dan berkemahiran tinggi. Individu yang mempunyai sikap, pemikiran dan jatidiri yang tinggi mampu menawan dunia.

Percayalah, masyarakat Orang Asli boleh menguasai peringkat global, jika kita berada pada pemikiran, kefahaman dan halatuju kehidupan yang jelas dan betul. Anak-anak masyarakat Orang Asli terutamanya di luar bandar dan pedalaman perlu diasuh melalui sistem pendidikan terbaik dan jadikan mereka insan baharu yang akan mengubah corak kehidupan masyarakat Orang Asli.

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pelajar-pelajar yang berjaya. Saya ingin berpesan kepada semua pelajar untuk terus mengekalkan kecemerlangan sedia ada bagi menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai masyarakat yang berjaya di negara ini.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Orang Asli Tahun 2016. Sekian, terima kasih.